

**Boleh Tegur Pemimpin, Tapi Biar Beradab - Dr Mahathir
Bernama
20 September, 2012**

JOHOR BAHRU, 20 Sept (Bernama) -- Tidak salah untuk menegur pemimpin jika mereka dilihat menyimpang daripada usaha membangunkan rakyat dan negara, kata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad Khamis.

Bagaimanapun kata beliau, teguran harus dilakukan secara beradab dan kena pada masanya selain mengemukakan pendapat yang boleh dipertimbang pemimpin.

"Saya fikir pemimpin juga harus terbuka kepada sebarang teguran. Ketika zaman saya (sebagai Perdana Menteri), saya ditegur Tengku Razaleigh Hamzah dan (Tun) Musa Hitam, serta ramai lagi yang marah dengan saya," katanya kepada pemberita, di sini.

Beliau yang ditemui selepas 'Diskusi Kepimpinan Perdana Mahasiwa Universiti Teknologi Malaysia', berkata pada masa yang sama pemimpin juga tidak harus terlalu lama memegang kuasa dan berundur apabila tiba masanya, sekalipun masih popular dalam kalangan rakyat.

Untuk tujuan itu, Dr Mahathir berkata seseorang pemimpin harus bijak membaca isyarat masyarakat dan akur dengan kehendak akar umbi yang mahu mereka berundur.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=696109>